Palaniappan a/l Porappa Gowndan lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — RAYUAN JENAYAH NO 42–19 TAHUN 1998
MOHD AZMAN HUSIN PK
6 FEBRUARY 2007

Acara Jenayah — Perbicaraan — Penutupan kes pendakwa raya — Kesalahan-kesalahan dilakukan sebelum 1996 — Beban bukti di akhir kes pendakwaan — Kanun Acara Jenayah s 173(f)

Perayu dituduh di Mahkamah Sesyen Teluk Intan atas pertuduhan-pertuduhan pindaan menggunakan bahan panas iaitu minyak tar mendidih ke atas SP3 dan SP5, satu kesalahan di bawah s 326 Kanun Keseksaan. Menurut SP3, beliau memandu ke Kuala Lumpur dan nampak orang membaiki jalan. SP4 memandu landrover lain berada di depan. SP3 dan SP4 menunggu lebih kurang setengah jam. Kemudian SP3 meminta perayu memberi jalan kerana durian yang dibawanya akan merkah dan pecah jika tunggu lama. Perayu meminta SP3 menunggu lebih kurang satu jam lagi untuk membolehkan jalan yang diturapkan dengan tar itu siap. SP3 tak berpuashati dengan jawapan itu lalu menolak perayu. Perayu marah lalu mengambil minyak tar dan menyimbah ke atas tangan kanan SP3. SP3 lari ke arah landrover. Sebelum sampai ke landrover, dia terlanggar SP5. SP5 jatuh. Perayu mengejar SP3. Pada masa yang sama perayu menyimbah tar panas ke arah SP3 dan terkena kepada SP5. SP5 tidak cam perayu kerana dia tengok ke bawah ke arah tar pada masa material. Semasa toleh ke belakang, SP3 melihat rakan sekerja perayu memegang pisau mengejarnya. Keterangan SP3 disokong oleh SP4 dan SP8. SP3 dihantar ke hospital dan disahkan mengalami kecederaan parah. Menurut perayu, pada masa material dia bersama tiga orang lain sedang bekerja membaiki jalan. Perayu memberitahu SP3 dan kawan-kawannya supaya tunggu 10 minit. Malangnya SP3 datang dan menolak dan memarahinya, SP3 datang membawa parang dan cuba menetaknya dan terkena baju dan seluar. Kemudian perayu berundur ke belakang dan melanggar seorang pekerjanya Somasundran yang pada masa itu membawa dua baldi tar panas. Baldi itu terjatuh dan tar panas mengenai tangan perayu, dan anaknya SP5 dan juga mangsa SP3. SP3 lari dan terjatuh di atas jalan yang bersalut tar. Selepas itu SP3 dan kawan-kawan lari ke arah landrover dan beredar dari situ. SD2 dan SD3 menyokong keterangan perayu SD1.

Diputuskan, menolak rayuan perayu:

(1) Beban bukti yang digunakan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul. Seksyen 173(f) Kanun Tatacara Jenayah lama terpakai untuk kesalahan yang dilakukan pada tahun 1996. Ini disokong oleh keputusan Mahkamah Persekutuan *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1 (lihat perenggan 36).

(2) Keterangan SP4, SP5, SP8 menyokong keterangan SP3. Ini disokong oleh keterangan perubatan oleh SP6 dan SP9. Mengenai pertuduhan pertama, keterangan SP5 disokong oleh keterangan SP3 dan juga keterangan perubatan SP9 (lihat perenggan 37).

(3) Intipati-intipati pertuduhan pertama yang dipinda dan pertuduhan kedua telah dibuktikan dengan sempurnanya oleh responden/pendakwaan. Terdapat sedikit percanggahan keterangan-keterangan saksi pendakwa tapi ia kecil dan tak mencacatkan kes pendakwaan (lihat perenggan 38-39); *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors* [1977] 1 MLJ 180 diikut.

[English summary

The appellant was charged in the Sessions Court Teluk Intan on the amended charges of using hot matter ie boiling tar on SP3 and SP5, an offence under s 326 of the Penal Code. According to SP3, he was driving to Kuala Lumpur and saw a few people repairing the road. SP4 drove another landrover and was in the front. SP3 and SP4 waited for about half hour. SP3 then requested the appellant to give way as the durian he was carrying would ripen and split if they have to wait too long. The appellant told SP3 to wait at least an hour more for the road covered with tar to be completed. SP3 was not satisfied with the answer and pushed the appellant. The appellant got angry and took the boiling tar and splash it on the right hand of SP3. SP3 ran towards his landrover. Before he could reach his landrover, he knocked into SP5. SP5 fell. The appellant chased SP3. At the same time the appellant poured hot tar towards SP3 but hit SP5. SP5 was not able to identify the appellant as he was looking down at the tar at the material time. As he was looking back, SP3 saw the appellant's co-worker holding a knife while chasing him. SP3's evidence was supported by SP4 and SP8. SP3 was sent to the hospital and confirmed to have suffered grievous hurt. According to the appellant, at the material time he was with three others repairing road. The appellant told SP3 and his friends to wait 10 minutes. Unfortunately SP3 came and pushed and scolded him, SP3 came with a parang and tried to stab him but tore his shirt and trousers instead. The appellant moved backwards and knocked into his worker Somasundran who was at that time carrying two pails of hot tar. The pails fell and the hot tar hit the appellant's hand, his son, SP5 and also the victim SP3. SP3 ran and fell on the road which was tarred. Then SP3 and his friends ran towards the landrover and got away. SD2 and SD3 supported the evidence of the appellant SD1.

Held, dismissing the appeal

(1) The burden of proof used by the sessions court judge is correct. Section 173(f) of the old Criminal Procedure Code was applicable for offences commited in the year 1996. This was supported by the decision of Federal Court in *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1 (see para 36).

(2) The evidence of SP4, SP5, SP8 supported SP3's evidence. It was supported by medical evidence of SP6 and SP9. In relation to the first charge, the evidence of SP5 was supported by the evidence of SP3 and also the medical report of SP9 (see para 37).

(3) The crux of the first amended charge and the second charge was properly proven by the respondent/prosecution. There were some contradictions in the evidence of the prosecution's witnesses but they were minor and did not vitiate the prosecution's case (see paras 38–39); *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors* [1977] 1 MLJ 180 followed.]

Nota-nota

Untuk kes-kes penutupan kes pendakwa raya, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 4288–4349.

Kes-kes yang dirujuk

Alcontara a/l Ambross Anthony v PP [1996] 1 MLJ 209 (dirujuk)
Bahruni Bin Ismail v Pendakwa Raya [1997] 2 MLJ 265 (dirujuk)
Balasingham v PP [1959] MLJ 193 (dirujuk)
Dalip Bhagwan Singh v PP [1998] 1 MLJ 1 (diikut)
Goh Ah Yew v PP [1949] MLJ 150 (dirujuk)
Herchun Singh & Ors v PP [1969] 2 MLJ 209 (dirujuk)
Law Tim Wah v PP [1978] 1 MLJ 167 (dirujuk)
Liow Siow Long v PP [1970] 1 MLJ 40 (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169 (dirujuk)
Ng Eng Kooi & Anor v PP [1970] MLJ 267 (dirujuk)
Osman Khan v PP [1948] MLJ 56 (dirujuk)
Phoon Liat Sum v PP [1950] MLJ 205 (dirujuk)
PP v Abang Abdul Rahman [1982] 1 MLJ 342 (dirujuk)
PP v Datuk Haji Harun bin Haji Idris & Ors [1977] 1 MLJ 180 (diikut)
PP v Ong Cheng Heong [1998] 6 MLJ 678 (dirujuk)
PP v Wan Razali Kassim [1970] 2 MLJ 79 (dirujuk)
Tai Chai Keh v PP [1948-49] Supp MLJ 105 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Acara Jenayah ss 158, 173(f)
Kanun Keseksaan ss 320(h), 321, 324, 326

Jagdeep Singh Deo bagi pihak perayu.
How May Ling (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Mohd Azman Husin PK:

[1] Dalam kes ini perayu dituduh di mahkamah sesyen Teluk Intan atas pertuduhan-pertuduhan pindaan seperti berikut:

(1) Bahawa kamu pada 20 September 1996 lebih kurang jam 11.45 pagi, di Jalan Kuala Boh, Ladang Teh Boh, Ringlet, di dalam Daerah Cameron Highlands, di dalam Negeri Pahang, telah dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah ke atas V Raman a/l Veeraraguvapillai kad pengenalan 251109–08–5105 dengan menggunakan bahan panas iaitu minyak tar mendidih, oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 326 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

(2) Bahawa kamu pada 20 September 1996 lebih kurang jam 11.45 pagi, di Jalan Kuala Boh, Ladang Teh Boh, Ringlet, di dalam Daerah Cameron Highlands, di dalam Negeri Pahang, telah dengan sengaja menyebabkan kecederaan parah ke atas Lu Tiang Hoon kad pengenalan 5712081 dengan menggunakan bahan panas iaitu minyak tar mendidih, oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan di bawah s 326 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah peruntukan yang sama.

Pendakwaan/Responden memanggil 10 orang saksi iaitu:

(1) SP1 K/Insp Balasubramaniam;
(2) SP2 Sjn 51397 Abu Seman Hassan;
(3) SP3 Encik Lu Tiang Hoon;
(4) SP4 Encik Chan Yu Kuan;
(5) SP5 Encik V Raman;
(6) SP6 Dr G Jegathesan;
(7) SP7 D/Kpl 58153 Munisamy;
(8) SP8 Encik Rahmat a/l Murag;
(9) SP9 Dr Asma Hayati bte Ahmad; dan
(10) SP10 Insp Roslan Yusoff.

[2] Beberapa orang saksi ditawarkan kepada perayu dan perayu memerlukan tiga orang sahaja daripada saksi-saksi yang ditawarkan.

MENURUT KES RESPONDEN/PENDAKWAAN

[3] Pada 20 September 2006 jam lebih kurang 11.30 pagi, SP5 V Raman sedang bekerja di tapak semaian teh, Jalan Kuala Boh, Ringlet, Cameron Highlands. Dia keluar dari situ untuk balik makan tengah hari di rumah. Pada masa itu terdapat dua buah landrover dan jalan dipenuhi dengan tar dan batu. Terdapat beberapa orang Cina dan India sedang bercakap. Dia menghampiri kumpulan tersebut. Beliau ditarik oleh seorang lelaki Cina. Dia jatuh dan mendapat kecederaan di kepala. SP3 nampak perayu/tertuduh menyimbah tar panas ke atas SP5 yang sepatutnya ditujukan kepada SP3. Dr Asmah yang memeriksa SP5 mengesahkan SP5 mendapat cedera tetapi kecederaan itu tidak menyebabkan 'permanent physical disfigurement'.

[4] Menurut SP3 Lu Tiang Hoon (Ah Seng), pada 20 September 1996 lebih kurang jam 11.30 beliau memandu landrover dan dijumpai oleh SP8 dan dua orang lain. Beliau hendak ke Kuala Lumpur melalui jalan Kuala Boh. Bila sampai di Jalan Kuala Boh, dia nampak ada orang membaiki jalan. Chan Yee Kuan SP4 memandu landrover lain berada di depan. SP3 & SP4 menunggu lebih kurang setengah jam. Kemudian SP3 meminta tertuduh memberi jalan kerana durian yang dibawanya akan merkah dan pecah jika tunggu lama. Tertuduh meminta SP3 menunggu lebih kurang satu jam lagi untuk membolehkan jalan yang diturapkan dengan tar itu siap.

SP3 tak berpuashati dengan jawapan itu lalu menolak tertuduh. Tertuduh marah lalu mengambil minyak tar dan menyimbah ke atas tangan kanan SP3. SP3 rasa sakit dan rasa macam terbakar. SP3 lari ke arah landrover. Sebelum sampai ke landrover, dia terlanggar SP5. SP5 jatuh. Tertuduh mengejar SP3. Pada masa yang sama tertuduh menyimbah tar panas ke arah tertuduh dan terkena kepada SP5. Semasa toleh ke belakang, SP3 melihat rakan sekerja tertuduh memegang pisau mengejarnya. Keterangan SP3 disokong oleh SP4 dan SP8. SP3 dihantar ke hospital dan disahkan mengalami kecederaan parah seperti yang disahkan oleh SP6 dan SP9.

[5] Pegawai-pegawai penyiasat SP1 dan SP10 mengesahkan siasatan menunjukkan tertuduh mendatangkan cedera dan cedera parah ke atas SP5 dan SP3 masing-masing.

PENDAPAT HAKIM MAHKAMAH SESYEN DI AKHIR KES PENDAKWAAN/RESPONDEN

[6] Di akhir kes pendakwaan, mahkamah bicara memanggil tertuduh membela diri ke atas kedua-dua pertuduhan itu iaitu:

(1) Untuk pertuduhan pertama, pertuduhan dipinda kepada s 324 Kanun Keseksaan. Pertuduhan pindaan dibaca dan diterangkan kepada perayu dan perayu minta bicara.

(2) Pertuduhan kedua dikekalkan bawah s 326 Kanun Keseksaan.

Untuk pertuduhan kedua mahkamah bicara dapati:

(1) SP3 adalah saksi yang boleh dipercayai. Keterangannya diterima;

(2) Keterangan SP3 disokong oleh SP4 dan SP8;

(3) Kecederaan yang dialami oleh SP3 adalah parah. Ini disahkan oleh keterangan Dr Asmah SP9 dan Dr Jegathesan SP6;

(4) Kecederaan yang dialami oleh SP3 adalah parah seperti yang dinyatakan oleh s 320 (h) Kanun Keseksaan; dan

(5) Tar yang digunakan adalah termasuk dalam makna 'heated substance' di bawah s 326 Kanun Keseksaan.

Untuk pertuduhan pertama, mahkamah dapati:

(1) SP5 dicurah dengan tar panas oleh tertuduh yang ditujukan kepada SP3;

(2) SP5 tak cam tertuduh kerana dia tengok ke bawah ke arah tar pada masa material;

(3) Dia mengalami kecederaan tapi tidak parah seperti yang disahkan oleh Doktor Asmah SP9; dan

(4) SP3 menyatakan bahawa perayu yang mencurahkan tar kepada SP5.

[7] Perayu/Pembelaan memilih memberi keterangan bersumpah. Perayu/Pembelaan memanggil tiga orang saksi:

(1) SD1 Palaniappan a/l Porappa Gowindan;

(2) SD2 Rahim Miah Abul Hasan; dan

(3) SD3 Subramaniam a/l Palaniappan.

[8] Menurut perayu, pada masa material dia bersama tiga orang lain sedang bekerja membaiki jalan di tempat yang berkenaan. Pada masa itu SP3 dan kawan-kawannya menaiki dua buah landrover hendak melalui jalan yang dibaiki itu. Perayu memberitahu mereka supaya tunggu 10 minit. Malangnya SP3 datang dan menolak dan memarahinya, SP3 datang membawa parang dan cuba menetaknya dan terkena baju dan seluar. Baju dan seluarnya koyak. Kemudian perayu berundur ke belakang dan melanggar seorang pekerjanya Somasundran yang pada masa itu membawa dua baldi tar panas. Baldi itu terjatuh dan tar panas mengenai tangan perayu, dan anaknya V Raman SP5 dan juga mangsa SP3. SP3 lari dan terjatuh di atas jalan yang bersalut tar. Selepas itu SP3 dan kawan-kawan lari ke arah landrover dan beredar dari situ. SD2 dan SD3 menyokong keterangan perayu SD1. Kesemua mereka menyalahkan Somasundram seorang warganegara India yang telah kembali ke India. Keterangan perayu SD1 disokong oleh laporan polis D6, percakapan beramaran beliau D13 dan laporan perubatan beliau D11.

[9] Selepas menimbang pembelaan perayu/tertuduh, Tuan Hakim Mahkamah Sesyen berpendapat perayu/tertuduh tidak menimbulkan was-was yang munasabah ke atas kes pendakwaan/responden atas alasan-alasan:

(1) Perayu tak menyebut dalam laporan polis eksh D6 beliau bahawa baldi yang mengandungi tar panas dipegang oleh Somasundram. D6 adalah dokumen terawal perayu/tertuduh dan fakta yang begitu penting sewajarnya dinyatakan dalam report beliau;

(2) Jika penyimbahan tar panas itu berlaku secara tak sengaja. kenapa SP3 mengalami kecederaan yang begitu teruk (parah)? Pada pendapat beliau, jika ia berlaku secara tak sengaja, SP3 tak akan mengalami kecederaan yang sebegitu teruk;

(3) Kecederaan parah yang dialami oleh SP3 tak mungkin disebabkan oleh tar yang telah disalut ke atas jalan. Ini kerana pegawai-pegawai penyiasat mengesahkan jalan masih belum ditar ketika itu;

(4) Tempat-tempat tar dijumpai ditanda S1, S2 dan S3 dalam rajah kasar PI2 bukan disebabkan oleh kemalangan. Tuan Hakim Mahkamah Sesyen berpendapat tempat-tempat tar itu dijumpai adalah disebabkan oleh perayu/tertuduh;

(5) Jika perayu cuba diserang oleh SP3 dengan parang, sudah pasti perayu akan mengalami kecederaan bukan hanya sekadar baju dan seluarnya koyak;

(6) Alasan-alasan di atas juga terpakai kepada pertuduhan pertama. Walaupun perayu/tertuduh cuba menyimbah tar panas ke arah SP3 dan terkena SP5, perayu/tertuduh sewajarnya tahu/sedar, tindakan itu juga boleh mencederakan sesiapa yang berada di situ.

[10] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen mendapati perayu/tertuduh bersalah. Sebagai hukuman, untuk pertuduhan pertama, perayu/tertuduh dihukum penjara

enam bulan dan untuk pertuduhan kedua dihukum penjara lima tahun. Hukuman penjara berjalan serentak.

PENGHUJAHAN PEGUAM/PERAYU

[11] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen silap menetapkan beban bukti. Kesalahan-kesalahan dilakukan pada 20 September 1996 iaitu sebelum pindaan kepada Kanun Acara Jenayah dibuat. Menurut s 173(f) Kanun Acara Jenayah yang lama, beban bukti di akhir kes pendakwaan adalah pendakwaan membuktikan satu kes mengatasi was-was yang munasabah (made out a case beyond reasonable doubt at the end of its case). Autoriti *Bahruni Bin Ismail v Pendakwa Raya* [1997] 2 MLJ 265.

[12] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen gagal menyatakan dalam nota prosiding, beban bukti di akhir kes pendakwaan. Di ms 44 rekod rayuan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen hanya menyebut 'defence called for first and second charge'. Di ms 87 dinyatakan 'as such at the end of the prosecution case, I ruled that the prosecution had proven its case against the accused for the second charge.'

[13] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen silap memanggil pembelaan terhadap perayu/tertuduh. Terdapat percanggahan keterangan yang material saksi-saksi pendakwaan khususnya keterangan SP3, SP4, SP5 dan SP8.

[14] Tiada keterangan terhadap pertuduhan pertama. Pendapat Tuan Hakim Mahkamah Sesyen mengenai kecederaan yang dialami oleh SP3 tak mungkin oleh tar yang berada atas jalan adalah salah.

[15] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen gagal menimbang pembelaan dengan sewajarnya yang telah berjaya menyangkal kes pendakwaan. Autoriti: *Osman Khan v Public Prosecutor* [1948] MLJ 56; *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; *Balasingham v Public Prosecutor* [1959] MLJ 193; *Liow Siow Long v Public Prosecutor* [1970] 1 MLJ 40; *Herchun Singh & Ors v Public Prosecutor* [1969] 2 MLJ 209; *Public Prosecutor v Abang Abdul Rahman* [1982] 1 MLJ 342; *Goh Ah Yew v Public Prosecutor* [1949] MLJ 150; *Alcontara a/l Ambross Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209; *Tai Chai Keh v Public Prosecutor* [1948-49] Supp MLJ 105; *Phoon Liat Sum v Public Prosecutor* [1950] MLJ 205; *Public Prosecutor v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678; *Sarkar's Law of Evidence* (14th Ed, 1993) ms 2006.

PENGHUJAHAN RESPONDEN/PENDAKWAAN

[16] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen betul memanggil perayu/tertuduh membela diri ke atas kedua-dua pertuduhan. Beban bukti adalah 'beyond reasonable doubt' seperti yang diputuskan oleh kes Mahkamah Persekutuan *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1 yang menyatakan di ms 16:

> … in respect of an act or omission committed before 31 January 1997, the standard of proof required of the prosecution at the close of its case is still the 'beyond reasonable doubt'

A standard as promulgated in *Arulpragasan Sardaraju v Public Prosecutor* [1997] 1 MLJ 1. The ratio in *Arulpragasan Sardaraju v Public Prosecutor*, has practically restrospective effect.

[17] Meskipun Tuan Hakim Mahkamah Sesyen tidak mencatat dalam nota presiding di ms 55 sama ada pendakwaan membuktikan kesnya terdapat
B perayu/tertuduh dengan mengatakan 'defence called for first accused charge' namun dalam alasan penghakiman di ms 87 Tuan Hakim Mahkamah Sesyen mengatakan:

> … as such at the end of the prosecution's case I ruled that the prosecution had proven its case against the accused for the second charge.

C Di baris 14 beliau menyatakan:

> The prosecution had also proven the amended first charge beyond any reasonable doubt.

Secara alternatif jika terdapat kekhilafan beban bukti, ia dimaafkan seperti yang diputuskan oleh kes *Ng Eng Kooi & Anor v Public Prosecutor* [1970] MLJ 267.

D

[18] Tuah Hakim Mahkamah Sesyen telah memutuskan bahawa SP3 mengalami kecederaan parah (grievous hurt) seperti yang ditafsirkan oleh s 320(h) Kanun Keseksaan berdasarkan keterangan doktor SP9 dan SP6.

[19] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen telah betul menerima sijil sakit eksh P7B
E yang dikeluarkan oleh SP6 doktor swasta yang telah disahkan oleh SP9 doktor kerajaan selepas dihalusi oleh SP9.

[20] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen betul menerima keterangan SP1 apabila disahkan oleh SP10.

F

[21] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen betul menerima keterangan 'the accused became angry and took a pail of hot tar and poured it on SPS's right hand' and 'the accused' chased after SP3 with a pail of hot tar'. Keterangan sebegini memang terdapat dalam keterangan-keterangan saksi seperti di ms 22 baris 16 dan ms 49
G baris 4 Rekod Rayuan.

[22] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen betul menerima fakta 'after SP3 fell, the accused came up to him and poured hot tar over his body'. Rujuk ms 23 baris 12 Rekod Rayuan.

H

[23] Kesimpulan yang dibuat oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen:

> … to my mind this means that the injuries sustained by SP3 as described by him were caused by the deliberate act of the accused by pouring hot tar on SP3. It is my finding of fact that SP3 could not have sustained the injuries from tar that was already on the road.

I Ini berdasarkan keterangan SP10 dan SP1. Rujuk ms 89 baris 9 Rekod Rayuan dan ms 25 perenggan akhir rekod rayuan.

[24] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen betul tidak memutuskan kecederaan yang dialami SP3 adalah konsisten dengan dia mengalaminya sewaktu dia terjatuh dan

berguling (roll over) di atas tar panas yang berada di atas jalan tanpa langsung disebabkan oleh perayu. Ini kerana jika SP3 jatuh terguling dia akan mengalami kecederaan di seluruh badan. Dalam kes ini SP3 hanya mengalami kecederaan di kedua belah tangan, kiri leher, muka, kiri perut dan kaki. Rujuk keterangan SP9 di ms 45 perenggan akhir rekod rayuan.

[25] Keterangan SP3 dan SP5 yang diterima oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul. Keterangan mereka selari dengan kecederaan yang dialami oleh mereka berdua.

[26] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul menolak pembelaan perayu/tertuduh. Tuan Hakim Mahkamah Sesyen memberi enam alasan kenapa pembelaan perayu ditolak.

[27] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen berhak membuat sebarang kesimpulan mengenai pembelaan. Tuan Hakim Mahkamah Sesyen menjelaskan kenapa beliau menolak pembelaan dan diantaranya kerana perayu/tertuduh tak menyatakan dalam report polisnya eksh D6 peranan Somasundram. Begitu juga dengan percakapan beramaran perayu/tertuduh adalah dicurigakan dan tak 'credible'. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Law Tim Wah v Public Prosecutor* [1978] 1 MLJ memutuskan di ms 168:

> … the appeal court could not interfere with the finding of fact of the trial judge who saw and heard the witness and was in better position to assess their credibility.

[28] Keterangan perayu/tertuduh bagaimana kejadian berlaku mengaitkan Somasundram tidak mendatangkan apa-apa kesan atas pembelaan atau menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan. Kes Mahkamah Persekutuan *Public Prosecutor v Wan Razali Kassim* [1970] 2 MLJ 79 di ms 82:

> an appellate court should be slow to interfere with finding of fact by a lower court as an appellate court does not have the advantage of seeing and hearing the witnesses and assessing their credibility.

[29] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen memberi alasan munasabah kenapa beliau tidak menerima keterangan SD2 dan SD3. Tuan Hakim Mahkamah Sesyen betul menerima keterangan SP3 walaupun dia adalah 'aggressor'. Keterangan SP3 disokong oleh keterangan SP4, SP5 dan SP8. Kecederaan yang dialaminya konsisten akibat tar panas. Ini disokong oleh keterangan perubatan oleh SP9 dan SP6.

[30] Mengenai kecederaan yang dialami oleh SP3 Tuan Hakim Mahkamah Sesyen betul memutuskan 'if it was accidental splashing of the hot water, why was it not that the accused suffered from severe extensive injuries all over his body'. Rujuk ms 88 perenggan akhir dan ms 89 perenggan pertama rekod rayuan.

[31] Ekshibit P3A–D penyimpah tar dan bentuknya dikemukakan ke mahkamah. Perayu gagal mencabar keterangan saksi mengenai bagaimana 'trajectory' tumpahan tar sekiranya ia jatuh.

[32] Pertuduhan pindaan oleh pendakwaan tidak cacat. Pertuduhan yang dipinda oleh mahkamah dan dibacakan kepada perayu adalah dalam bidangkuasa Mahkamah seperti yang diperuntukkan oleh s 158 Kanun Acara Jenayah. Rujuk ms 52 baris akhir Rekod Rayuan.

[33] Perayu/Tertuduh gagal menggugat keterangan SP3, SP7 dan SP4 semasa perbicaraan. Keterangan mereka adalah konsisten dan boleh diterima.

[34] Mengenai pertuduhan pertama, ia adalah betul meskipun perayu membuktikan tiada mens rea. Seksyen 321 adalah jelas. la juga menyebut perkataan dengan mengetahui bahawa ia mungkin dengan jalan demikian itu menyebabkan cedera kepada seseorang boleh dikatakan dengan sengaja menyebabkan cedera.

[35] Hukuman yang dijatuhkan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen adalah tidak keterlaluan. Tuan Hakim Mahkamah Sesyen mengambil kira semua aspek, mitigasi dan penghujahan kedua belah pihak sebelum hukuman dijatuhkan.

PENDAPAT MAHKAMAH

[36] Beban bukti yang digunakan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen adalah betul. Seksyen 173 (f) Kanun Acara Jenayah lama berbunyi:

> (f) If upon taking all the evidence hereinbefore referred to, the court finds that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction the Court shall record an order of acquittal.

Seksyen ini terpakai untuk kesalahan yang dilakukan pada tahun 1996. Ini disokong oleh keputusan Mahkamah Persekutuan *Dalip Bhagawan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1.

[37] Keterangan SP4, SP5, SP8 menyokong keterangan SP3. Ini disokong oleh keterangan perubatan oleh SP6 dan SP9. Mengenai pertuduhan pertama, keterangan SP5 disokong oleh keterangan SP3 dan juga keterangan perubatan SP9.

[38] Intipati-intipati pertuduhan pertama yang dipinda dan pertuduhan kedua telah dibuktikan dengan sempurnanya oleh responden/pendakwaan.

[39] Terdapat sedikit percanggahan keterangan-keterangan saksi pendakwa tapi ia kecil dan tak mencatatkan kes pendakwaan. Kes *Public Prosecutor v Datuk Haji Harun Bin Haji Idris & Ors* [1977] 1 MLJ 180 dirujuk dan diikuti.

[40] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen telah memanggil pembelaan selepas berpuashati ada kes dibuktikan oleh responden/pendakwaan terhadap perayu/tertuduh.

[41] Pembelaan perayu tidak menyangkal kes pendakwaan. Tuan Hakim Mahkamah Sesyen tidak salah menolak pembelaan perayu seperti yang dinyatakan

dalam alasan penghakiman beliau. Perintah yang dibuat oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen tidak menyalahi undang-undang.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[42] Berdasarkan alasan-alasan, mahkamah menolak rayuan perayu dan mengekalkan perintah yang dibuat oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen.

Rayuan ditolak.

Reported by Sally Kee